

Nilai dan Profesionalisme menurut Imam Al-Juwaini: Fokus terhadap Isu-isu Kepimpinan, Aqidah dan Perselisihan Ummah

MOHD FADZHIL MUSTAFA¹, MOHAMAD SABRI HARON²
& HASNAN KASAN²

ABSTRACT

Values are a timeless universal need. Islam has provided mankind with a set of values that are proven essential for everyday life. A great number of Islamic scholars have discussed these values extensively in order to assist understanding and to develop a practical guide for Muslim society. Among these scholars are Imam al-Juwaini. In this article, the authors will focus on al-Juwaini's contributions toward providing a comprehensive framework on Islamic values applicable in the fields of leadership, religious faith as well as dealing with factional disputes between Muslim ummah.




PENDAHULUAN



Untuk melihat masa depan ummah yang berdaya saing dan berketerampilan, sudah tentu banyak perkara dan isu yang perlu ditangani hari ini supaya masyarakat berada dalam situasi yang sihat, aman dan mempunyai pengetahuan luas untuk menghadapi cabaran-cabaran semasa dan mendatang. Dalam era globalisasi semasa terdapat pelbagai langkah yang wajar ditangani untuk pembangunan ummah yang cemerlang. Secara umumnya, terdapat beberapa saranan dan galakan yang disarankan oleh para sarjana untuk umat bergerak lebih maju ke hadapan. Antaranya:

1. Mempelopori bentuk-bentuk pelaksanaan terhadap unsur-unsur kebaikan sejagat seperti berpegang teguh dengan nilai-nilai agama yang suci melalui peraturan syariat yang mantap dan akhlak yang tinggi.
2. Mengiktiraf dan menghargai jasa-jasa yang telah dilakukan individu yang signifikan, menghormati ibu bapa dan mengambil pedoman daripada manhaj para ulama terdahulu.





3. Generasi sekarang harus bergiat aktif mengikut garis panduan yang telah digarap oleh orang-orang bijaksana dan tokoh-tokoh pemikir masyarakat dahulu dan sekarang.
4. Menepati tuntutan semasa dan memenuhi kemahuan serta kepuasan hati ummah.
5. Menjauhi dorongan-dorongan jahat seperti mencaci umat terdahulu, menafi jasa dan pengorbanan mereka, mencemuh kebijakan, memutus silaturrahim sesama keturunan dan meruntuhkan jalinan kasih sayang serta persaudaraan sesama Islam.

Oleh itu, untuk menangani isu-isu yang melibatkan nilai dan profesionalisme sama ada dalam pekerjaan, muamalat harian atau penyelesaian masalah ummah, harapan dan amanah haruslah digalas oleh generasi *ulū al-bab* yang pintar dan prihatin kepada warisan dahulu berpandukan perjalanan hidup para salafus-soleh. Nilai yang dimaksudkan di sini ialah harga diri atau merit yang penting serta tahap kualiti akhlak pada seseorang individu yang bergantung kepada niat atau motif sama ada secara fitrah semula jadi atau pilihan sendiri. Manakala profesionalisme pula bermaksud ikhtisas, kecekapan, kemahiran dan pernyataan dari seseorang yang berkeahlilan dan berpengalaman serta penuh bijaksana (Muhammad Firdaus 2003).



PENDEKATAN HOLISTIK OLEH IMAM AL-JUWAYNI




Seiring dengan hujah di atas itu, maka antara orang yang berjaya mengemukakan dasar-dasar penyelesaian lantas membawa perubahan secara holistik kepada tamadun ummah ialah Imam al-Juwaini atau lebih dikenali dengan nama Imam al-Haramain. Nama sebenar beliau ialah Abdul Malik bin Abdullah bin Yusof bin Abdullah bin Yusof bin Muhammad bin Hayyuyah al-Juwaini al-Naysaburi (1028-1085M). Beliau telah berjaya membawa satu dimensi baru dalam pemikiran semasa yang menjurus kepada pembangunan modal insan dan pembelajaran sepanjang hayat.

Hasil pendekatan beliau yang sederhana terutama ketika berhadapan dengan cabaran-cabaran semasa zamannya begitu diharapkan dapat memberi pengisian yang berguna dan penyelesaian berkesan kepada permasalahan umat hari ini dan hari esok. Melalui karya-karyanya, beliau telah menyentuh isu-isu penting dalam sesebuah masyarakat seperti isu kepimpinan, aqidah dan perselisihan ummah.

Dalam usaha untuk mengiktiraf jasa-jasa Imam al-Juwaini, menghargai ketokohnya dan mencintai ilmu-ilmunya yang luas, penulis cuba menyentuh dan menyingkap nilai-nilai dan profesionalisme seperti mana yang tersurat dan






tersirat di sisi Imam al-Juwayni. Semoga dengan cetusan idea dan pemikiran beliau ini dapat membawa sinar baru dalam menghadapi kemelut dan krisis kepimpinan yang sedang dihadapi umat hari ini.

CABARAN YANG DIHADAPI OLEH IMAM AL-JUWAYNI DALAM MEREALISASIKAN MANHAJNYA

Dari segi politik, kerenggangan hubungan antara pihak umara' dan ulama pada kurun keempat dan kelima Hijrah telah melebarkan empat cabaran asas yang dihadapi oleh Imam al-Juwayni dalam mencapai maksud yang dicita-citakannya:

1. Pihak pemerintah telah bertindak mengekori pergerakan para ulama dan memantau ucapan, fatwa-fatwa dan hasil ijihad mereka sehingga sampai ke peringkat mengenakan tindakan yang menyakitkan, menekan dan menghina para ulama seperti Said bin al-Musayyib, Imam Malik, Imam Syafe'i dan lain-lain. Keadaan menjadi semakin gawat sehingga menyebabkan kematian Said bin Jubair dan selainnya pada zaman Umawi dan fitnah kejadian al-Qur'an. Maka terputus hubungan kasih sayang dan kepercayaan antara kedua belah pihak.
2. Para ulama, *fuqaha* dan ahli hadis menumpukan urusan mereka kepada mendalami ilmu, fiqh, *ijtihad* dan riwayat hadis. Mereka menjauhi kehidupan awam supaya mereka tidak terlibat dengan pemerintah dalam menentukan arah politik.
3. Para ulama dan *fuqaha* tidak mengutarakan pandangan mengenai hukum hakam pemerintahan yang berkait dengan khilafah dan kenegaraan. Mereka juga kurang mengkaji aspek *fiqh siyasah* yang membicarakan tentang kepimpinan, kuasa dan tanggungjawab pemerintah.
4. Perpecahan umat Islam pada ketika itu kepada dua kepimpinan, iaitu kepimpinan politik yang ditadbir oleh khalifah dan sultan dan kepimpinan agama yang diuruskan oleh para ulama dan fuqaha seperti yang berlaku di Madinah al-Munawwarah di al-Hijaz, al-Kufah di Iraq dan Naysabur di Khurasan.



PEMERHATIAN DAN PENUMPuan KEPADa ISU-ISU SEMASA


ISU IMAMAH (KEPIMPINAN) DAN PEMBANGUNAN UMMAH

Sejak akhir-akhir ini, beberapa isu tentang kepimpinan dan pembangunan ummah sering kali dibincangkan dalam media tempatan. Contohnya Berita Harian (23 Ogos 2008) telah melaporkan satu berita menarik mengenai padah pertelaghanan Pusat Latihan Prestasi Tinggi Asia (HPTC) dengan Kesatuan Olahraga Amatur Malaysia (KOAM). Dengan riak kecewa apabila perbalahan dua pemimpin organisasi itu semakin memuncak, Datuk Ismail Sabri (Menteri Belia dan Sukan) berkata seharusnya kedua-dua pihak bekerjasama bagi melahirkan atlit bertaraf dunia, “Berulang kali saya tegaskan bahawa mereka perlu bekerjasama rapat dalam membangunkan sukan negara dan bukannya bertelagah sesama sendiri.”

Sementara itu, pada tarikh yang sama, Berita Harian mendedahkan di Putrajaya dua Atase Jabatan Imigresen yang bertugas di London, United Kingdom dan Shanghai, China didakwa di Mahkamah Majistret Kajang atas dua tuduhan memalsukan sijil diploma dan transkrip akademik masing-masing di premis Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) pada 21 Januari 2004 dan 6 April 2006. Ketua Pengarah Jabatan Imigresen, Datuk Mahmood Adam ketika dihubungi berkata pihaknya tidak akan bertolak ansur mengenai perkara berkaitan disiplin dan rasuah kakitangannya kerana ia mencemarkan imej dan reputasi organisasi.

Satu kes lagi ialah yang berlaku di Johor Bahru pada 21 Ogos 2008, Pihak Berkusa Tempatan (PBT) sama ada berstatus daerah atau bandar raya perlu menumpukan kepada tiga perkara penting untuk berjaya melaksanakan tanggungjawab membawa pembangunan kepada rakyat iaitu seperti kata Datuk Bandar, Datuk Mohd Naim Nasir: “Melaksanakan keperluan serta kehendak rakyat seperti mempunyai tugas sama iaitu menyediakan kemudahan awam, memantau aspek kebersihan dan penyelenggaraan infrastuktur kepada masyarakat.”

Ketiga-tiga contoh yang disebutkan di atas tadi, adalah berkait rapat dengan soal perlantikan dan kewibawaan seseorang pemimpin dalam sesebuah masyarakat. Walaupun berlainan bidang profesionalisme mereka yang terlibat, namun tumpuannya sama iaitu mengenai isu kepimpinan yang membawa kepada pembangunan ummah. Yang jelas, untuk menjana sebuah pembangunan yang berjaya dengan cemerlang, umat memerlukan kekuatan dan pihak atasan memerlukan kredibiliti bagi memastikan kesinambungan tamadun kemanusiaan dan prasarana serta kemudahan awam tercapai.



Seseorang individu yang bergelar pemimpin mestilah mempunyai ciri-ciri kepimpinan yang soleh dan adil serta mempunyai nilai-nilai mulia sebagaimana yang terdapat pada seorang rasul utusan Allah s.w.t iaitu *sidiq* (benar), amanah (ikhlas), *tabligh* (penyampaian) dan *fatonah* (kebijaksanaan). Nilai-nilai mulia tersebut akan menjadi teras yang kukuh kepada keunggulan jati diri dan pembangunan ummah.


Menurut Jamiah Manap (2007), pemantapan budaya mulia merangkumi pembudayaan nilai-nilai Islam secara menyeluruh dalam setiap institusi dan organisasi masyarakat secara bersepada. Justeru, pemantapan budaya mulia melibatkan setiap unit dalam masyarakat untuk bergerak secara sinergi untuk saling mengukuhkan kefahaman dan penghayatan terhadap nilai-nilai integriti khususnya di kalangan media massa dan pentadbir. Kesempurnaan kendiri atau integriti *mutmainnah* pula hanya akan diperolehi apabila jiwa manusia mencintai Tuhan-Nya dan menjadi sebat dengan ajaran al-Quran dan Sunnah. Keindahan dan kemuliaan jiwa ini kemudiannya diterjemahkan di dalam kehidupan seharian dan hasilnya akan melahirkan anggota masyarakat yang mempunyai identiti dan jati diri yang unggul.

Tidak dinafikan bahawa akal yang sihat dan pintar pada seseorang pemimpin menjadi tuntutan utama bagi membangunkan ummah. Menurut Hasan Salim ad-Dausiy (2008), akal adalah sesuatu yang melayakkan seseorang itu menjadi pemimpin di atas muka bumi, sementara material sama ada yang berada di langit, bumi atau alam sekeliling akan dipermudahkan dan ditundukkan di bawah pengurusannya.

Akal adalah paksi kefahaman dan penghayatan kerana ia dapat membezakan antara kemuliaan dan kehinaan, antara kebaikan dan kejahanan, antara keelokan dan keburukan dan antara keimanan dan kejihilan. Ia adalah juga ukuran *taklif* syariat yang berkait dengan ibadat dan muamalat kerana tanpa akal dengan sendirinya gugur segala tuntutan syarak (Hasan Salim 2008).

ISU AQIDAH DAN SOSIAL

Seterusnya, pada 11 Ogos 2008, Sinar Harian telah memaparkan pendirian yang sepatutnya diberikan kepada bekas penagih dadah. Masyarakat disarankan tidak memandang rendah kepada bekas penagih dadah sebaliknya memberi mereka peluang membina kehidupan seperti insan lain. Timbalan Ketua Pengarah Operasi Agensi Dadah Kebangsaan (AADK), Profesor Dr. Mahmood Nazar Mohamed berkata bekas penagih dadah memerlukan sokongan dan bimbingan komuniti setempat agar mereka dapat menjalani kehidupan seperti orang biasa. Katanya: "Kita membawakan 140 bekas penagih dadah di Hulu Selangor bagi menjayakan pelbagai program agensi ini untuk bersama turun padang menyertai kempen bencikan dadah dari akar umbi". Katanya lagi:



Kerajaan optimis dan begitu komited memerangi musuh utama ini secara habis-habisan. Kerjasama daripada wakil penduduk termasuklah ketua kampung, pemimpin taman, penghulu dan badan bukan kerajaan (NGO) sangatlah diharapkan untuk menjayakan program ini.


Menurut statistik terkini yang dikeluarkan oleh AADK bahawa sejumlah 14,489 penagih dikesan sepanjang 2007 dengan 6,679 penagih baru dan selebihnya pula adalah penagih berulang. Sementara itu, Menteri Besar Perlis Datuk Seri Dr. Md Isa Sabu dalam teks ucapannya yang dibacakan pada tarikh 20 Ogos 2008, berkata:

Apa yang dipertontonkan melalui program dan rancangan hiburan kini, sedikit sebanyak mempengaruhi golongan remaja sehingga ada yang mendatangkan pengaruh serius dan menjelaskan kehidupan. Paling merisaukan, katanya, ada kalangan remaja yang begitu mudah hanyut dan terikut-ikut dengan perwatakan idola masing-masing, baik di kalangan penyanyi atau pelakon, tanpa menilai terlebih dulu baik dan buruk sesuatu perkara. Justeru, kita mahu golongan muda masa kini, memperkuatkan jati diri masing-masing untuk berdepan segala bentuk cabaran dan perubahan supaya tidak mudah hanyut dibawa arus kepalsuan dan kebinasaan.

Di sebalik berita-berita tentang keruntuhan akhlak remaja dan gejala sosial, Berita Harian yang bertarikh 23 Ogos 2008 pula melaporkan kebelakangan ini banyak kes mengenai gangguan syaitan seperti kejadian hysteria yang berlaku kepada pelajar sekolah. Kewujudan syaitan memang diyakini tetapi persoalan kini sejahtera mana umat Islam berjaya melepaskan diri daripada pengaruh syaitan. Sesungguhnya syaitan sentiasa menyesatkan anak Adam dengan pelbagai cara. Bukan sahaja golongan kafir, muslim yang lemah, manusia biasa, pengusa, orang jahil, orang alim, wali Allah s.w.t, malahan nabi dan rasul juga tidak terlepas daripada agenda syaitan.

Walau bagaimanapun keadaannya, sebenarnya syaitan tidaklah dapat menguasai orang mukmin yang sentiasa memohon perlindungan daripada Allah s.w.t serta orang mukmin yang menghindar sifat marah dan sentiasa sabar. Firman Allah s.w.t yang bermaksud:

Sesungguhnya syaitan itu tiada mempunyai kekuasaan atas orang yang beriman serta bertawakal kepada TuhanYa. Hanya kekuasaannya atas orang yang mengikutnya dan orang yang mempersekuatkan Allah s.w.t dengan dia.



Menurut ayat di atas terdapat dua keadaan yang berbeza. Pertama: syaitan tidak mampu menguasai ahli tauhid yang ikhlas dan bertawakal. Kedua: syaitan akan bertindak sebagai raja yang berkuasa ke atas orang yang menyahut seruannya dan orang musyrik yang memperseketukan Allah s.w.t dengan sesuatu yang lain.


ISU PERSELISIHAN DAN PERDEBATAN

Sebenarnya ada banyak perkara dan laporan yang menjadi isu di atas itu. Antaranya ialah seperti perdebatan isu tanah. Pada hari Khamis 21 Ogos 2008, tepat pada jam 9.00 malam, rakyat Malaysia telah mengikuti satu debat terbuka di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan disiarkan secara langsung menerusi TV9 dan NTV7. Debat tersebut bertajuk ‘Kontroversi Isu Tanah di Pulau Pinang’ telah dianjurkan oleh Portal Agenda Daily dengan diperantarakan oleh Datuk Johan Jaafar. Ahli panel yang terlibat ialah Ketua Menteri Pulau Pinang, Lim Guan Eng dan Pemangku Presiden Gerakan, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon. Sementara dua lagi ahli panelnya iaitu bekas Ketua Pengarah DBP Datuk Aziz Deraman dan Editor Politik media internet *Malaysian Insider*, Wan Hamidi Hamid menjadi selaku pembantu dan pelengkap kepada perdebatan tersebut.

Semua ini dibuat untuk menghuraikan kekeliruan dan kekusutan berhubung isu penyelewengan tanah dan kerugian RM40 juta yang ditanggung oleh pihak kerajaan Pulau Pinang. Namun kerajaan terdahulu manafikan berlaku penyelewengan tanah tersebut. Ini kerana ia tidak didaftarkan dengan Pejabat Tanah dan Galian Negeri (PTGN) pada 1960-an ketika diberi kepada sebuah pertubuhan Cina, maka kerajaan negeri tidak tahu ia mempunyai pemilik. Bagaimanapun, kes ini sekarang masih dibicarakan di mahkamah dan penulis tidak berhasrat memberi ulasan yang lebih panjang lagi.

Akhbar Berita Harian bertarikh 22 Ogos 2008 pula membahaskan perselisihan mengenai isu kaum dalam Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN). Perkara ini ditimbulkan oleh Lim Kit Siang (DAP-Ipoh Timur) melihat kepada jumlah kakitangan LHDN sehingga 15 Julai 2008 iaitu seramai 3,079 kakitangan peringkat pengurusan dengan kurang 90 peratus daripadanya terdiri daripada Bumiputera, 7 peratus Cina dan bakinya kaum India. Dalam hal ini, mantan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sendiri menjelaskan bahawa:

Pelantikan kakitangan pengurusan LHDN dilakukan berdasarkan penilaian tahap kompetensi calon yang dibuat mengikut tiga peringkat iaitu bengkel penilaian, peperiksaan bertulis dan temuduga. Kakitangan dilantik terdiri daripada calon yang berjaya mendapat markah tinggi dalam tiga penilaian itu.



Oleh itu, tidak timbul lagi isu perkauman dalam LHDN kerana sebagaimana yang dijelaskan tadi, bahawa pemilihan calon pengurusan berdasarkan markah tertinggi dalam tiga peringkat penilaian yang dilakukan secara profesional. Perdana Menteri menegaskan: "Isu komposisi kaum dalam pengurusan LHDN berkadar dengan komposisi kaum negara tidak timbul kerana kutipan cukai pendapatan dibuat di kalangan individu dan syarikat tanpa mengira kaum". Pada tahun lalu LHDN telah berjaya mengutip RM49.2 bilion hasil cukai pendapatan kasar. RM37.6 bilion atau 76.4 peratus kutipan cukai diperolehi melalui pendapatan syarikat, manakala bakinya menerusi pendapatan individu.

Demikian juga mengenai isu kenaikan harga petrol baru-baru ini iaitu bermula pada tarikh 5 Jun 2008. Fenomena ini telah menimbulkan sedikit ketegangan sehingga menjadi perselisihan dan perdebatan di kalangan masyarakat kerana ia jelas membebankan rakyat yang berpendapatan rendah dan sederhana, ditambah lagi dengan kenaikan tarif elektrik yang diumumkan pada tarikh 1 Julai 2008.

Walau bagaimanapun, keadaan menjadi sedikit lega apabila kerajaan mengumumkan pada 22 Ogos 2008 penurunan harga runcit petrol RON97 dan RON92 masing-masing sebanyak 15 sen dan 22 sen kepada RM2.55 dan RM2.40 seliter, manakala harga diesel sebanyak 8 sen kepada RM2.50 seliter berkuat kuasa 23 Ogos 2008.

Sehingga kini, semua isu yang disebutkan tadi telah menjadi tajuk perbincangan harian dan perdebatan sesama warganegara di Malaysia dan jika tidak diselesaikan, ia boleh membawa kesan yang buruk kepada pembangunan masyarakat.




PENDEKATAN IMAM AL-JUWAYNI TERHADAP ISU-ISU IMAMAH, AQIDAH DAN PERSELISIHAN UMMAH

ISU IMAMAH (KEPIMPINAN) DAN PEMBANGUNAN UMMAH

Imam al-Juwaini dalam bukunya *Ghiyathul-umam* telah menjelaskan makna *imamah* (kepimpinan) dan kewajipan melantik imam serta pemimpin ummah: *Imamah* ialah kepengetuaan yang sempurna dan kepimpinan umum berkait dengan orang atasan (khusus) dan bawahan (awam) dalam mengendalikan tugas-tugas agama dan dunia yang antara lain kandungannya ialah menjaga negara, meraikan rakyat jelata, menegakkan dakwah sama ada melalui hujah atau pedang (senjata), mengawal penyalahgunaan kuasa dan kezaliman, menolong mangsa-mangsa yang dizalimi, menyempurnakan hak-hak yang berada di tangan orang yang tidak bertanggungjawab dan menyerahkannya kepada orang yang berhak.





Oleh sebab itu, Imam al-Juwaini telah menyatakan dengan terang:


Sekiranya orang ramai dibiarkan dalam keadaan huru hara, tiada seorang pun yang menggabungkan mereka di atas kebenaran serta membiarkan mereka menurut langkah-langkah syaitan, nescaya berlaku permusuhan, muncul pelbagai pandangan yang bertentangan dan rosaklah jamaah-jamaah. Sebab itu diwajibkan secara syara' mempertahankan negara dan berjuang untuk memelihara bai'ah (janji setia).

Dari sini tampak jelas kesahihan manhaj Imam al-Juwaini yang bersandarkan *Usul Fiqh*. Ia lebih terserlah pada beberapa perkara penting seperti penguasaannya yang luas terhadap *Maqasid Syariat* pada prinsip-prinsip agama dan cabang-cabangnya serta pada *kulliyat* (kaedah-kaedah umum) dan *juziyat* (kaedah-kaedah khusus). Kefahamannya tentang realiti semasa turut membantunya menangani persoalan *imamah*. Contohnya dalam soal pemecatan pemimpin yang *fasiq* (rosak akhlak), beliau telah bersandarkan perbahasananya pada jiwa insan itu sendiri, runtunan nafsu syahwat dan kecenderungan-kecenderungannya. Seterusnya Imam al-Juwaini mempunyai tasawur Islam yang benar terutama tentang kedudukan dunia jika dibandingkan dengan kedudukan agama atau akhirat. Beliau menganggap bahawa dasar tugas seorang pemimpin ialah menegakkan syariat Allah s.w.t dengan mengekalkan rukun-rukun Islam di atas landasan yang betul sama ada secara pilihan atau terpaksa.

ISU AQIDAH DAN SOSIAL

Imam al-Juwaini adalah salah seorang ulama kurun ke lima Hijrah yang menegakkan amanah dan penyampaian, menjalankan dakwah dan kuliah pengajaran. Beliau telah memfokuskan kehidupannya untuk mengkaji ilmu-ilmu syariat dan budaya keilmuan yang begitu dominan di zamannya. Antara pandangan beliau berkaitan aqidah dan sosial ialah:

1. Gaya falsafah dan pemikiran yang tersebar luas dalam Ilmu Kalam dan Usuluddin pada zaman Abbasiyyah dan selepasnya bukan suatu dasar tetapi ia adalah suatu manhaj atau cara untuk menyebarkan aqidah Islam, memantapkan iman dalam diri, menolak segala kekeliruan dan kesesatan dan membuat perbandingan antara mazhab-mazhab falsafah dan tamadun-tamadun Yunani, Farsi dan India. Lalu para ulama menggunakan manhaj ini sebagai senjata untuk mempertahankan Islam dan orang-orang Islam.



2. Kewajipan ulama pada setiap zaman dan tempat ialah membuat kajian tentang aqidah dan syariat dan menjadikannya sebagai bidang profesional mereka.
3. Perlu peka dan mengambil perhatian serius terhadap pandangan-pandangan yang tidak berseuaian dengan agama.
4. Menguasai dan berkemahiran dengan metod-metod dan ilmu-ilmu sains yang tersebar di kalangan masyarakat pada setiap masa supaya dengan itu dapat dijelaskan kepada umat tentang kebenaran, petunjuk jalan yang lurus dan keterangan yang betul lagi tepat, di samping dapat menghapuskan kebatilan dan pendukungnya serta menyeru ke arah keredhaan Allah s.w.t.
5. Memberi sepenuh komitmen kepada syariat Allah s.w.t kerana kewajipan ulama hari ini ialah mereka mesti mampu menguasai ilmu-ilmu semasa, penciptaan-penciptaan baru dan pelbagai kebudayaan supaya mereka dapat menundukkan di bawah manhaj dakwah Islam.
6. Memberi kepuasan minda dan hati kepada masyarakat dengan cahaya yang nyata dan kebenaran yang jelas dalam segala urusan agama dan sosial mereka.
7. Menyingkap dan mendedahkan segala tipu daya pemikiran musuh-musuh Islam.
8. Berdiri teguh bersama jamaah Islam bagi menghadapi serangan pemikiran jahat yang berterusan.




Di sini terserlah keperibadian Imam al-Juwaini yang tersendiri, sedar, bebas merdeka, kritis dan profesional dalam kehidupan ilmiahnya sama ada dalam karya dan kajiannya atau dalam pembelajaran dan pengajarannya. Beliau juga mempunyai pandangan-pandangan khusus dan ijтиhad tersendiri dalam Fiqh dan Usul Fiqh yang kadangkala berbeza dengan Imam al-Sya'fi, Abu al-Hasan al-Asy'ari dan al-Qadhi Abu Bakar al-Baqilani. Contohnya Imam al-Sya'fi pernah menegaskan bahawa al-Qur'an tidak boleh dinasakh (diangkat hukumnya) dengan al-Sunnah. Sementara di sisi Imam al-Juwaini, beliau mengatakan dengan tegas bahawa al-Qur'an harus dinasakh dengan al-Sunnah.

ISU PERSELISIHAN DAN PERDEBATAN

Bagi Imam al-Juwaini ilmu tentang perselisihan telah mendorong beliau ke arah membangunkan minda masyarakat. Beliau cenderung kepada disiplin ilmu ini





kerana pengetahuannya yang luas, pengkhususannya dalam Fiqh mazhab Syafe'i, tinjauan yang luas terhadap mazhab-mazhab Fiqh yang lain serta penglibatan beliau secara aktif dalam perdebatan dan *munazhorah* (perbahasan). Beliau telah mentakrifkan perdebatan dengan maksud dua pihak yang berselisih cuba menzahirkan tuntutan pandangan masing-masing secara hujah berhujah dan nafi menafi melalui ucapan atau seumpamanya seperti isyarat dan *dalalah* (petunjuk dalil).

Beliau telah membahagikan perdebatan itu kepada dua, pertama debat yang terpuji lagi diredhai dan kedua debat yang tercela lagi diharamkan. Katanya:

Debat yang tercela ialah apa yang diadakan untuk menolak kebenaran atau mencapai kedegilan atau bertujuan mengaburkan kebenaran dengan kebatilan atau tidak dicari sebarang pengenalan dan pendekatan atau untuk bermegah-megah dan mencari pangkat kedudukan dan populariti murahan atau lain-lain lagi rupa tujuan yang terlarang iaitu yang dinaskan oleh Allah s.w.t sebagai haram.


Manakala debat yang terpuji yang digalakkan ialah yang cuba mencari dan melaksanakan kebenaran, mendedahkan yang batil, bermotif kesedaran dan kepintaran bersama dengan orang yang diharapkan akan kembali kepada kebenaran. Allah s.w.t telah berfirman yang bermaksud: “Serulah (manusia) ke jalan (agama) Tuhanmu dengan kebijaksanaan dan pengajaran yang baik, dan berdebatlah dengan mereka dengan (jalan) yang terbaik.”

Sebagai contoh, Imam al-Juwayni telah menyebut dalam karyanya *Mughithul-khalq fi Ikhtiyar al-Ahaq* tentang *tarjih* (sokongan kuatnya) kepada mazhab Syafe'i:

Maka apabila sudah jelas secara *qat'ei* dan diyakini berdasarkan kepada contoh-contoh yang tersebut dalam bab-bab Fiqh yang lalu bahawa sesungguhnya perjalanan pandangan Syafe'i r.a pada *furu'* (cabang-cabang) dan masalah-masalah adalah selaras dan menepati dalil dan kaedah, oleh itu ia lebih berhak diikuti.

Walaupun begitu, Imam al-Juwayni tidak terlalu taksub kepada mazhab Syafe'i dengan makna yang tercela. Ini kerana beliau tetap berpegang kepada kebenaran, komited dengan syariat dan menyeru ke arahnya. Bukti ini ialah kata-katanya dalam karya yang sama, beliau berkata:

Dan aku utamakan *al-insaf* (kesederhanaan) dan *al-intisaf* (keterbukaan) serta aku jauhi *al-i'itisaf* (ketaksuban).” Tambah beliau lagi: “Sesungguhnya aku tidak pernah meninggalkan nasihat kebenaran dan aku tidak pernah berputus asa untuk menjelaskan yang hak dan membawa kebenaran.



PENGHAYATAN SEBENAR TERHADAP NILAI DAN PROFESIONALISME: SATU ANALISIS MENURUT IMAM AL-JUWAYNI

Menurut al-Zuhaili (1992) setelah beliau membuat kajian tentang sejarah perundangan Islam dan sejarah politik Islam serta menerusi tinjauannya terhadap buku-buku karangan Imam al-Juwaini, beliau berpendapat bahawa terdapat dua faktor yang mendorong Imam al-Juwaini menulis tentang *fiqh siyasiy* semasa zamannya, pertama faktor secara tidak langsung dan kedua faktor secara langsung.

FAKTOR PERTAMA


Perselisihan antara orang Islam tentang teori-teori khilafah Islamiyyah dan kemunculan pelbagai kumpulan dan mazhab serta kerenggangan hubungan antara pihak pemerintah dan para ulama tidak terhenti setakat kajian secara teori dan pemikiran, bahkan melebar kepada pertembungan secara bersenjata yang didukungi oleh pertubuhan-pertubuhan rahsia, gerakan-gerakan ekstremis, pemberontakan pemisahan dan demonstrasi-demonstrasi rakyat dan kerajaan. Sebagai contoh fatwa Imam Malik tentang talak *mukrah* iaitu orang yang dipaksa menjatuhkan talak adalah tidak jatuh atau tidak sah. Ia telah disalah tafsir oleh Bani Abbasiyyah sebagai ketidaksesahan ber-*bai’ah* dengan mereka kerana ia telah dilakukan melalui paksaan. Ini menyebabkan Imam Malik telah dikenakan tindakan dan denda oleh pihak berkuasa ketika itu.

FAKTOR KEDUA

Sebuah kitab yang bertajuk *al-Ahkam as-Sultaniyyah* karangan Imam Abu al-Hasan al-Mawardi yang berkisar tentang *khilafah*, *imamah*, wilayah-wilayah agama dan sistem pemerintahan dan pentadbiran menurut perspektif fiqh Islam, telah dibidas oleh Imam al-Juwaini kerana ia hanya mengumpul dan menukil bahan perbincangan dan pandangan tanpa disaring dan ditapis. Tambahan lagi, ia tidak berlandaskan secara langsung kepada nas-nas *syara'*, *ijma'* dan sejarah khulafa ar-rasyidin dan lebih-lebih lagi ia terpengaruh dengan pemikiran politik orang bukan Islam daripada sudut *siyaghah* (pengolahan) bahasa dan susunannya.

Dalam hal ini Imam al-Juwaini telah berkata: “Bahawa yang mendorongku ke arah penulisan ini (*fiqh siyasiy*) ialah pandanganku terhadap kitab setengah ulama mutakhir yang diterjemahkan sebagai *al-Ahkam as-*





Sultaniyah. Kandungannya antara lain mencakupi riwayat mazhab-mazhab, pendapat-pendapat dan tuntutan-tuntutan semasa tanpa sebarang penelitian dan petunjuk, tidak melihat kepada hasil dapatan dan tidak pula membuat tinjauan terhadap manhaj yang membawa kepada penutup dan kesimpulan. Bahawasanya kandungan tersebut hanyalah nukilan rencana-rencana secara jahil dan buta. Lebih teruk lagi, terdapat perkara bertindan yang sukar diuraikan, pengolahan yang disangskian dan hanya mengikut satu manhaj. Ini membawa kepada keceluaran kaedah, pertindihan hasil dapatan, kesamaran antara keyakinan dan telahan serta kerumitan membuat keputusan menerusi pemikiran sendiri.


Justeru, apa yang telah disebutkan tadi mendorong Imam al-Juwayni untuk menjelaskan kebenaran dalam kajiannya tentang khilafah, imamah, imarah, wilayah dan sistem pemerintahan dalam Islam. Beliau telah menentukan objektif dan matlamatnya, menerangkan manhaj dan gaya penulisannya. Beliau juga telah memikul amanah menyeru ke arah yang makruf dan melarang yang mungkar, juga menjalankan nasihat terhadap agama Allah s.w.t., kitab dan Rasul-Nya, pemimpin-pemimpin Islam dan juga orang awam.

Jelasnya, Imam al-Juwayni adalah seorang yang beriman lantas yaqin diri serta berpegang kepada kewajipan penyampaian dan nasihat yang baik, terutama semasa beliau berada begitu hampir dengan sistem dan perlembagaan kerajaan. Di sinilah, beliau cuba membimbing ke arah kebenaran, meletakkan di hadapannya manhaj yang teguh lagi bernilai demi syariat yang dijunjung serta membantu kerajaan supaya memberi komitmen yang tinggi dan terbaik terhadap pelaksanaan hukum-hakam agama. Semua ini telah dijelaskan oleh Imam al-Juwayni dalam karya-karyanya secara umum dan mengulanginya secara acap kali dalam bukunya yang khusus iaitu *Ghiyathul-umam fil- tiyathi al-Zulami*.

KESIMPULAN


Apa yang dapat penulis simpulkan di sini secara ringkas ialah keperibadian tersendiri yang dipenuhi dengan nilai dan personaliti yang hebat telah ditonjolkan oleh Imam al-Juwayni dalam menangani isu-isu semasa yang berlaku semasa zamannya seperti yang berkaitan dengan isu kepimpinan dan pembangunan ummah, isu aqidah dan sosial dan isu perselisihan dan perdebatan ummah.

Ini terbukti pada kejayaan beliau dalam menggarap manhaj yang teguh lagi bernilai bagi memacu ummah ke arah penerapan sistem kehidupan yang efektif, pembangunan ummah yang menyeluruh sama ada berupa duniawi atau ukhrawi dan penghasilan kerja yang berkemahiran dan bermutu tinggi serta proses profesionalisme yang berterusan terutama kepada pelajar-pelajarnya sendiri seperti Imam Ilkiya al-Hirasi, al-Khawafi dan al-Ghazali.



RUJUKAN

- Abdul Latif, Ahmad. 1993. *Manhaj Imam al-Haramain fi Dirasat al-Aqidah*. al-Riyadh: Markaz al-Malik Faisal.
- Abdul Latif Samian, Mohamad Sabri Haron, Nazri Muslim & Zaharah Hassan. 2007. *Prosiding Persidangan Serantau Islam Hadhari dan Profesionalisme*. Bangi: Pusat Pengajian Umum.
- al-Badawi, Yusof A.M. 2000. *Maqasid al-Syariah ‘inda Ibni Taimiyyah*. Amman: Dar al-Nafais.
- al-Dausi, Hasan Salim. 2008. *Majallatal-Syariat wa al-Dirasat al-Islamiyyah*. Kuwait: Majlis al-Nasyr al-Ilmi, Jami’ah al-Kuwait.
- al-Dib, Abdul Azim. 1988. *Fiqh Imam al-Haramain: Khosoisuhu, atharuhu, manzilatuhu*. al-Mansurah: Dar al-Wafa’.
- al-Dib, Abdul Azim. 1981. *Imam al-Haramain Abu al-Ma’ali Abdul Malik bin Abdullah al-Juwayni: Hayatuhu wa’asruhu, atharuhu wafikruhu*. Kuwait: Dar al-Qalam.
- al-Juwayni, Abdul Malik. 1990. *Ghiyathul-umam fil-tiyathi al-zulami*. Iskandariyyah: Dar al-Dakwah.
- al-Juwayni, Abdul Malik. 1997. *Al-Burhan fi Usul al-Fiqh*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- al-Juwayni, Abdul Malik. 2003. *Al-Talkhis fi Usul al-Fiqh*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- al-Turkiy, Nasir bin Abdullah. 2006. *Al-Syakhsiyah wa Manhaj al-Islam fi Binaiha wa Ri’ayatiha*. Saudi Arabia: Jami’ah al-Imam Muhammad bin Saud al-Islamiyyah.
- al-Zuhaili, Muhammad. 1992. *Al-Imam Al-Juwayni Imam al-Haramain*. Dimasyq: Dar al-Qalam.
- Armida S.A., Ramdan, Parikesit. 2008. *Prosiding Isu dan Permasalahan Politik, Hukum dan Budaya*. Bandung: Universitas Padjadjaran & Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Firdaus, Muhammad. 2003. *Kamus Sinonim Antonim*. Batu Caves: Pustaka Ilmi.
- Harbi, Muhammad. 1986. *Imam al-Haramain Abu al-Ma’ali al-Juwayni waatharuhu fi Ilmi al-Kalam*. Beirut: ‘Alam al-Kutub.
- H. Mahmud Yunus. 1969. *Tafsir Qur’an al-Karim*. Jakarta: P.T. Hidakarya Agung.
- Imam, M. Kamaldin. 2008. *al-Dalil al-Irsyadiy ila Maqasid al-Syariah al-Islamiyyah*. London: Muassasah al-Furqan lil al-Turath al-Islamiy.
- Jami’ah al-Kuwait. 2008. *Majallat al-Syariat wa al-Dirasat al-Islamiyyah*. Kuwait: Majlis al-Nasyr al-Ilmi.



- Jamiah Manap. 2007. Metodologi Pembentukan Integriti Mutmainah: Ke Arah Meningkatkan Identiti Budaya Masyarakat Malaysia dan Indonesia dalam Armida S.A.; Ramdan, Parikesit, dlm. *Isu dan Permasalahan Politik, Hukum, dan Budaya (Jilid 2)*. Bandung: Universitas Padjadjaran & Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mahmud, Fauqiyyah. 1987. *Luma' al-Adillah fi Qawa'id Aqaid Ahli al-Sunnah wa al-Jamaah*. Beirut: 'Alam al-Kutub.

¹Universiti Darul Iman (UDM)

²Pusat Pengajian Umum
Universiti Kebangsaan Malaysia



